

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HGT 212 Teknik-Teknik dalam Geografi II

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA(5) soalan dalam TIGA(3) muka surat.

Jawab TIGA(3) soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan sebarang DUA(2) soalan lain. Soalan No. 1 membawa 36 markah dan soalan-soalan lain membawa 32 markah.

1. (a) Bincangkan penggunaan teknik-teknik grafik untuk mempersembahkan data asas dan data yang telah diproseskan di dalam satu bidang geografi fizikal dan satu bidang geografi manusia.
- (b) Apakah sistem penderiaan jauh yang ideal? Mengapakah sistem ini tidak dapat dicapai sepenuhnya.
- (c) Jelaskan prinsip-prinsip asas tafsiran foto udara.
2. (a) Pilih sebarang empat(4) kaedah untuk mengumpulkan data yang mengandungi satu, atau tiga komponen atau lebih. Dengan bantuan gambarajah-gambarajah dan contoh-contoh tertentu, bincangkan penggunaan setiap kaedah itu di dalam beberapa bidang geografi.
- (b) Merujuk kepada data di dalam jadual yang berikut, kirakan nisbah jantina bagi setiap daerah. Dengan menggunakan kaedah grafik bahagikan nisbah jantina tersebut kepada enam(6) kumpulan. Kemudian jadualkan semula nisbah jantina yang ditentukan bagi setiap daerah di bawah kumpulan masing-masing.

JADUAL 1: Bilangan penduduk mengikut daerah,
Malaysia Barat, 1970

Daerah	Lelaki	Jumlah	Daerah	Lelaki	Jumlah
Batu Pahat	122,567	249,869	Bachok	30,244	62,119
Johor Bahru	139,209	271,448	Kota Baharu	103,152	208,076
Keluang	68,217	133,317	Machang	25,425	51,637
Kota Tinggi	32,442	61,406	Pasir Mas	49,395	100,734
Mersing	17,590	34,620	Pasir Puteh	34,011	70,243
Muar	137,368	279,261	Tanah Merah	28,947	57,444
Pontian	58,585	117,622	Tumput	35,671	73,155
Segamat	63,480	126,447	Ulu Kelantan	29,826	57,218
Baling	53,074	104,307	Mel. Utara	55,678	114,603
Bandar Baharu	16,571	33,194	Mel. Selatan	41,547	84,858
Kota Setar	151,004	302,539	Mel. Tengah	100,156	204,261
Kuala Muda	80,982	159,977	Jejebu	16,336	32,905
Kubang Pasu	60,249	118,587	Kuala Pilah	56,560	114,798
Kulim	44,444	88,447	P. Dickson	40,737	76,187
P. Langkawi	11,957	23,856	Rembau	18,950	39,708
Padang Terap	15,566	30,360	Seremban	83,842	167,913
Sik	19,982	39,061	Tampin	24,285	47,801
Yan	26,817	55,046			
Bentong	28,899	56,098	Batang Padang	60,367	119,590
Cameron Highl.	8,319	15,852	Dinding	64,268	127,885
Jerantut	19,394	36,856	Kinta	242,213	482,567
Kuantan	51,289	96,854	Kerian	76,473	153,631
Lipis	26,033	50,694	Kuala Kangsar	91,614	186,261
Pekan	35,703	69,355	Larut & Matang	110,619	221,061
Raub	29,044	57,394	Hilir Perak	105,392	211,168
Temerloh	62,121	120,028	Ulu Perak	31,213	60,403
S.P. Tengah	58,723	117,759	Kelang	120,257	232,863
S.P. Utara	81,380	161,605	Kuala Langat	54,234	107,212
S.P. Selatan	31,683	63,646	Kuala Lumpur	451,943	875,772
P.P. Timor Laut	185,948	373,086	Kuala Selangor	69,074	135,388
P.P. Barat Daya	30,311	60,674	Sabak Bernam	38,982	77,956
			Ulu Langat	48,734	96,338
			Ulu Selangor	52,220	103,857
Perlis	60,524	121,062			
Besut	39,447	79,228			
Dungun	27,285	54,352			
Kemaman	22,866	44,916			
Kuala Trengganu	84,714	173,907			
Marang	9,630	19,684			
Ulu Trengganu	16,917	33,664			

Sumber: Jadual 2, Ringkasan Kiraan Luar, Banchi Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, m.s. 22-24.

3. Dengan merujuk kepada fotogrametri dan tafsiran foto udara dengan stereoskop cermin jelaskan bagaimana anda dapat menentukan
 - (a) paralaks dan ketinggian;
 - (b) saiz dan bentuk.
4. (a) Jelaskan istilah balikan spektral. Mengapakah balikan ini sangat penting di dalam penderiaan jauh?
 - (b) Jelaskan perbezaan balikan ini bagi tanah-tanah, tumbuh-tumbuhan dan air.
5. (a) Dengan menggunakan peta-peta lakar dan gambarajah-gambarajah tertentu, bincangkan keberkesanan tiga(3) teknik untuk menggambarkan konsep kepadatan penduduk.
 - (b) Andaikan gambarfoto menegak telah diambil pada ketinggian 6000m dari aras laut dengan menggunakan kamera berlensa jarak fokal 152mm. Tentukan skala pada titik-titik P dan Q yang masing-masing berada pada dongakan (elevasi) 1440m dan 2200m. Apakah purata skala foto udara tersebut?
 - (c) Secara ringkas terangkan panduan-panduan yang digunakan untuk membuat tafsiran foto udara bagi sebuah(1) daripada berikut:
 - i. guna tanah;
 - ii. geologi;
 - iii. bentuk muka bumi.

-ooo000ooo-

